

Sistem perparitan perlu dikaji semula elak banjir kilat

JOHOR BAHRU - Kejadian banjir kilat selepas hujan lebat yang berlaku di beberapa negeri baru-baru ini memungkinan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula keseluruhan pembangunan termasuk sistem perparitan.

Menterinya, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, pihaknya mengaku perubahan itu membawa kesan kepada negara, lantas bersedia untuk melakukan penambahbaikan bagi mengelakkan kejadian sama berlaku.

"Kalau dahulu sistem perparitan selebar tiga hingga enam meter sudah cukup untuk menampung takungan air hujan.

"Namun kini apabila hujan turun secara berterusan dan ditambah pula dengan air pasang, sistem perparitan menjadi tertekan dan itu yang mengakibatkan banjir," katanya selepas majlis taklimat dan penerangan banjir kilat di pusat bandar raya ini di Majlis Bandaraya Johor Bahru di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Abdul Rahman mengarahkan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) untuk segera memasang enam pam air sementara di kawasan Sungai Segget di sini bagi mengelakkan berlakunya lagi banjir kilat.

"Saya minta mereka membeli pam itu dan mempercepatkan perolehannya pada selewat-le-

Air melimpah di beberapa jalan utama pusat bandar raya selepas hujan lebat selama sejam

Johor Bahru ditenggelami banjir

JOHOR BAHRU - Pusat bandar raya ini tergenang setelah beberapa kawasan di jalan utama ditenggelami air akibat banjir kilat ekoran hujan lebat selama lebih sejam di sini petang semalam.

Dalam kejadian sedek 1 petang itu, lokasi terjejas teruk ialah berhampiran Jalan Segget di Jalan Wong Ah Fook di sini apabila

sejumlah pengguna kenderaan terperangkap di beberapa lokasi. Selain itu, jalan lain yang turut ditakiri air ialah Jalan Tun Razak, Jalan Medway, Jalan Sili Chai, Jalan Sultan, kawasan Stulang Darat dan Jalan Nong Chik.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Subhanan Salleh berkata, banjir kilat berlaku berlaku di-

tanya ketika diluapnya di sini semalam. Akibat banjir kilat itu, Stailman memberi tahu, beberapa jalan termasuk Jalan Wong Ah Fook yang merupakan ke-10 teratas JBC dan City Square ditutup daripada sebarang lalu lintas dan pengguna jalan raya dinasihatkan mencari jalan alternatif. "Namun begitu, banjir kilat di kawasan tersebut dilaporkan mulai surut pada pukul 2.15 petang dan pada lewat jalan sudah mulai dilalaki kenderaan lalu lintas dan pengguna pengguna

KERATAN Kosmo/17 November 2015.



ABDUL RAHMAN (empat dari kiri) melawat pintu air Sungai Segget selepas menghadiri taklimat banjir di Johor Bahru semalam.

wat minggu depan dan berharap banjir tidak akan berulang sejurus pam dipasang," ujarnya.

Pada Isnin lalu, pusat bandar raya ini lumpuh setelah beberapa kawasan dan jalan utama ditenggelami air akibat banjir kilat ekoran hujan lebat selama lebih sejam.

Dalam kejadian pukul 1 petang

itu, lokasi terjejas teruk ialah kawasan premis perniagaan di sekitar projek pembangunan Sungai Segget di Jalan Wong Ah Fook di sini apabila air naik sedalam 1.5 meter.

Selain Johor Bahru, di Selangor turut dilanda banjir kilat di beberapa lokasi di Shah Alam, Klang dan Kuala Selangor.